



SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) KALI KE-10 TAHUN 2025

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN OLAHRAGA

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN OLAHRAGA SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) KE-10, 2025

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Kejohanan ***Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA)***.
- 1.2 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, kejohanan ini akan dijalankan mengikut peraturan undang-undang **KESATUAN OLAHRAGA MALAYSIA (KOM)**.
- 1.3 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya maka peraturan/undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan digunakan.
- 1.4 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan ini, jawatankuasa penganjur akan memutuskan keputusan berdasarkan kepada undang-undang/peraturan KOM dan Peraturan AM SIPMA.
- 1.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal adalah muktamad.

2.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 2.1 Tempat dan tarikh kejohanan SIPMA bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:
Tarikh : 4 hingga 6 September 2025
Tempat : Stadium Olahraga Mount Austin/Stadium UTM

3.0 PENYERTAAN DAN PEMBENTUKAN PASUKAN

- 3.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.
- 3.2 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan Olahraga yang terdiri daripada:
 - 3.2.1 Seorang (1) Pengurus Pasukan
 - 3.2.2 Sembilan (9) orang Pegawai/Jurulatih
 - 3.2.3 Maksimum atlet seramai 60 orang peserta 1 pasukan termasuk lelaki dan wanita.
- 3.3 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan berikut:
 - 3.3.1 Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
 - 3.3.2 Majlis Sukan Institut Pendidikan Guru Malaysia (MSIPGM)
 - 3.3.3 Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia (MSMM)
 - 3.3.4 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

- 3.3.5 Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSPM)
 - 3.3.6 Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM)
 - 3.3.7 Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA)
 - 3.3.8 Majlis Sukan Kolej Vokasioanal Malaysia (MASKoV)
- 3.4 Pendaftaran hendaklah dibuat dengan menggunakan borang Penyertaan Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola pada tarikh yang telah ditetapkan. Butir-butir tentang seseorang peserta hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Setiausaha Agung Majlis Sukan Pasukan/Ketua Kontinjen masing-masing.
 - 3.5 Peserta-peserta yang hanya menyertai acara Lari Berganti-Ganti dikehendaki di daftar juga dalam borang penyertaan.
 - 3.6 Peserta-peserta dikehendaki membawa Kad Pengenalan asal dan kad matrik atau yang setaraf dengannya sebagai Pengesahan Rasmi penyertaan jika diminta.

4.0 KELAYAKAN

- 4.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.

5.0 AKREDITASI

- 5.1 Semua pasukan dimestikan menggunakan kad akreditasi berdasarkan pendaftaran *online* yang dikeluarkan oleh pihak pengelola.
- 5.2 Salinan pendaftaran/kelayakan akademik atlet/pasukan hendaklah ditandatangani oleh Pengarah atau Ketua Pusat/Unit/Jabatan Sukan beserta pengesahan daripada bahagian akademik pelajar.
- 5.3 Setiap pasukan dimestikan menyerahkan borang pendaftaran/kelayakan akademik pasukan, borang pengesahan peserta (I-form), salinan kad pelajar dan salinan kad pengenalan/passport kepada Jawatankuasa TAC semasa mengambil kad akreditasi.
- 5.4 Semua peserta dikehendaki membawa bersama kad pelajar sepanjang kejohanan ini berlangsung.
- 5.5 Pasukan yang bertanding adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan kad pelajar bagi disemak oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan pada bila-bila masa di sepanjang tempoh kejohanan.
- 5.6 Hanya pemain yang berdaftar di dalam borang pengesahan atlet sahaja layak mengambil bahagian.

- 5.7 Sebarang pertukaran pegawai/pemain selepas tarikh tutup pendaftaran individu akan dikenakan denda seperti berikut.
- 5.7.1 Selepas tarikh tutup pendaftaran individu (I-form) sehingga seminggu sebelum taklimat pengurus-pengurus pasukan akan dikenakan denda **RM 15.00**.
 - 5.7.2 Pertukaran kategori bagi setiap acara dibenarkan pada 7 hari sebelum Taklimat Pengurus Pasukan. Hanya kategori yang telah berdaftar sahaja dibenarkan membuat pertukaran. Setiap pertukaran kategori akan dikenakan denda sebanyak **RM 15.00**.
 - 5.7.3 Pertukaran pemain yang mengalami kecederaan boleh dibuat 7 hari sebelum taklimat pengurus pasukan sehingga sehari sebelum taklimat dengan disertakan pengesahan dari pihak Pusat Kesihatan Universiti/ Hospital Kerajaan/Klinik Kerajaan.
 - 5.7.4 Kad yang hilang/rosak akan dikenakan denda sebanyak RM 15.00 bagi setiap pengantian kad baharu.
 - 5.7.5 Semua bayaran hendaklah dibuat secara tunai kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

6.0 SISTEM DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 6.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut acara dan jadual pertandingan yang telah ditetapkan.
- 6.2 Susunan acara adalah mengikut susunan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola dan dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan SIPMA.
- 6.3 Acara hanya akan dijalankan sekiranya TIGA (3) atau lebih peserta/pasukan berlainan mengambil bahagian bagi sesuatu acara yang dipertandingkan selepas tarikh tamat pengesahan penyertaan.
- 6.4 Sekiranya pengguguran acara yang melibatkan kurang daripada 3 acara semasa mesyuarat pengurus pasukan berlaku, acara tetap dijalankan dengan status seperti berikut.
 - 6.4.1 Sekiranya tiga (3) penyertaan, hanya Johan dan Naib Johan akan diambilkira dalam pungutan pingat. Kesemua peserta yang bertanding layak mendapat pingat dan hadiah.
 - 6.4.2 Sekiranya dua (2) penyertaan, hanya Johan sahaja akan diambilkira dalam pungutan pingat. Kesemua peserta yang bertanding layak mendapat pingat dan hadiah.
 - 6.4.3 Sekiranya hanya satu (1) penyertaan, acara akan dibatalkan.

- 6.5 Cara memutuskan keputusan pertandingan bagi peringkat saringan dan separuh akhir serta pembahagian lorong akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan SIPMA merujuk kepada peraturan World Athletics (WA) terkini.
- 6.6 Susunan atlet bagi acara 4x100m Mix dan 4x400m Mix adalah mengikut peraturan terkini "World Athletics" iaitu:

Acara 4x400m Mix:

Pelari Pertama : Lelaki
Pelari Kedua : Wanita
Pelari Ketiga : Lelaki
Pelari Keempat : Wanita

Acara 4x100m Mix:

Pelari Pertama : Wanita
Pelari Kedua : Wanita
Pelari Ketiga : Lelaki
Pelari Keempat : Lelaki

7.0 KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

- 7.1 Semua peserta mesti melaporkan diri ke khemah penyelia peserta (*call-room*) sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung seperti berikut :
- 7.1.1 **30 minit** bagi acara balapan
 - 7.1.2 **45 minit** bagi acara padang
 - 7.1.3 **60 minit** bagi acara Lombol Bergalah
- 7.2 Peserta yang lewat melapor diri iaitu **15 minit sebelum acara bermula**, tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam acara tersebut dan akan dianggap menarik diri.
- 7.3 Peserta **tidak dibenarkan** melapor diri terus kepada Pegawai Teknikal dalam arena pertandingan.
- 7.4 **Hebahan** tentang **panggilan peserta** untuk melapor diri **tidak akan dibuat**. Maklumat hanya disiarkan di tempat penyelia peserta. Hebahan hanya akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program pertandingan.
- 7.5 Peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor pendaftaran peserta perlu diletakkan di bahagian depan dan belakang baju kecuali bagi acara lompat tinggi dan lompat bergalah sahaja dibenarkan penggunaan nombor di depan.

- 7.6 Semasa melaporkan diri, seseorang peserta mesti menunjukkan kad akreditasi kepada penyelia peserta berkenaan. Sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, peserta berkenaan tidak akan dibenarkan bertanding.
- 7.7 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan mempunyai kuasa untuk melakukan sebarang pindaan berkenaan jadual pertandingan sama ada menangguh atau mengubah jadual berdasarkan keperluan semasa dengan pemakluman kepada peserta/pasukan.

8.0 PAKAIAN DAN PERALATAN

8.1 Pakaian Pertandingan

8.1.1 Pakaian hendaklah bersesuaian dengan acara trek dan padang.

8.1.2 **Paku Kasut:** Kejohanan ini akan diadakan di atas balapan jenis sintetik. Panjang maksima paku kasut (*spikes*) tidak boleh melebihi 09 mm, kecuali untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing. Untuk acara tersebut, paku tidak boleh melebihi 12mm.

8.1.3 Bagi acara jarak jauh, penggunaan kasut harus mengikut peraturan *World Athletic (WA)*.

8.1.4 Setiap pasukan yang menyertai acara berganti-ganti adalah **diwajibkan memakai pakaian yang seragam.**

8.1.5 Pihak penganjur akan menyediakan spesifikasi nombor bib seperti berikut:

8.1.5.1 Pengenalan nombor bib:

BIL.	PASUKAN	HURUF	NO. LELAKI	NO. WANITA
1	MSSM	S	S 001 – S 050	S 051- S100
2	MASUM	U	U101 – U150	U151- U200
3	MSIPGM	G	G201 – G250	G251- G300
4	MSPM	P	P301 – P350	P351- P400
5	MSMM	M	M401 – M450	M451- M500
6	MASKOM	K	K501 – K550	K551- K600
7	MASISWA	T	T601 – T650	T651- T700
8	MASKoV	V	V701 – V750	V751 – V800

8.1.5.2 Nombor bagi kategori **lelaki** ialah berwarna **Hitam** manakala bagi kategori **wanita** ialah berwarna **Merah**.

8.1.6 Semasa majlis penyampaian hadiah rasmi, pemenang-pemenang dikehendaki memakai pakaian rasmi kontigen dan berkasut.

9.0 PERALATAN PERTANDINGAN

- 9.1 Ukuran peralatan akan menggunakan mana-mana pertandingan peringkat dewasa melainkan ada ketetapan dibuat.
- 9.2 Pihak pengelola akan menyediakan semua peralatan termasuk blok permulaan kecuali galah untuk acara Lombol bergalah dengan syarat ia diserahkan kepada Pengurus Teknik terlebih dahulu untuk disahkan.
 - 9.2.1 Bagi peserta yang menggunakan **peralatan persendirian (cakera, peluru, lembing, tukul besi)** hendaklah menyerahkan peralatan tersebut kepada Pengurus Teknik 24 jam sebelum kejohanan dimulakan bagi tujuan pengesahan. Peralatan ini juga boleh digunakama oleh atlet-atlet lain semasa pertandingan.
 - 9.2.2 Penggunaan blok permulaan adalah bagi semua acara larian 100M, 200M, 400M, 100M Lari Berpagar, 110M Lari Berpagar, 400M Lari Berpagar dan semua acara Lari Berganti-Ganti.
 - 9.2.3 Keputusan rasmi acara menggunakan **sistem elektronik**.
(Tertakluk kepada perubahan).

9.3 UKURAN TINGGI PERMULAAN

- 9.3.1 Bagi acara-acara di bawah, ukuran tinggi permulaan adalah seperti berikut:
 - 9.3.1.1 Lombol Bergalah
 - Lelaki
Percubaan : 3.00M, 3.50M
Permulaan : 3.30M
 - Wanita
Percubaan : 2.30M, 2.50M
Permulaan : 2.40M
 - 9.3.1.2 Acara Lompat Tinggi
 - Lelaki
Percubaan : 1.60M, 1.70M
Permulaan : 1.65M
 - Wanita
Percubaan : 1.35M, 1.45M
Permulaan : 1.40M

9.3.1.3 Jarak Papan Lonjakan dari kawasan mendarat bagi lompat kijang adalah seperti berikut:

Lelaki: 11/13

Meter Wanita:

9/11 Meter

9.3.2 Bagi perkara 7.3.1.1, 7.3.1.2 dan 7.3.1.3 ketetapan permulaan lompatan atau ukuran tinggi bagi acara Lombol Bergalah, Lompat Tinggi dan Lompat Kijang boleh diubah mengikut persetujuan semasa mesyuarat pengurus pasukan bagi setiap siri kejohanan.

9.3.3 Cara Menanda di tempat-tempat pertandingan

Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan kapur atau lain-lain bahan sepertinya untuk menandakan di tempat-tempat pertandingan. Para peserta hendaklah menggunakan pita yang disediakan oleh pihak pengelola.

10.0 ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

10.1 Berikut acara-acara yang dipertandingkan mengikut sirkit kejohanan.

BIL.	ACARA	KATEGORI	
		LELAKI	WANITA
1	100 Meter	√	√
2	200 Meter	√	√
3	400 Meter	√	√
4	800 Meter	√	√
5	1500 Meter	√	√
6	5000 Meter	√	√
7	10000 Meter	√	
8	10000 Meter Jalan Kaki	√	
9	5000 Meter Jalan Kaki		√
10	100 Meter Lari Berpagar		√
11	110 Meter Lari Berpagar	√	
12	400 Meter Lari Berpagar	√	√
13	3000m Lari Berhalangan	√	√
14	Lompat Jauh	√	√
15	Lompat Kijang	√	√
16	Lompat Tinggi	√	√
17	Lombol Bergalah	√	√
18	Lempar Cakera	√	√
19	Lontar Peluru	√	√
20	Merejam Lembing	√	√
21	Baling Tukul Besi	√	√
22	4x100 Meter	√	√

23	4x400 Meter	√	√
24	4x100 Meter Campuran	√	
25	4x400 Meter Campuran	√	
26	Heptathlon		√
27	Decathlon	√	

10.1 Pingat yang ditawarkan di SIPMA 2025 :

BIL.	ACARA	PINGAT (LELAKI)			PINGAT (WANITA)		
		EMAS	PERAK	GANGSA	EMAS	PERAK	GANGSA
1	100m	1	1	1	1	1	1
2	200m	1	1	1	1	1	1
3	400m	1	1	1	1	1	1
4	800m	1	1	1	1	1	1
5	1500m	1	1	1	1	1	1
6	5000m	1	1	1 (3)	1	1	1 (3)
7	10000m	1	1	1 (3)			
8	100m Lari Berpagar				1	1	1
9	110m Lari Berpagar	1	1	1			
10	400m Lari Berpagar	1	1	1	1	1	1
11	3000m Berhalangan	1	1	1 (3)	1	1	1 (3)
12	10000m Jalan kaki	1	1	1 (3)			
13	5000m Jalan Kaki				1	1	1 (3)
14	Lompat Jauh	1	1	1	1	1	1
15	Lompat Kijang	1	1	1	1	1	1
16	Lompat Tinggi	1	1	1	1	1	1
17	Lombol Bergalah	1	1	1	1	1	1
18	Lempar Cakera	1	1	1	1	1	1
19	Lontar peluru	1	1	1	1	1	1
20	Merejam Lembing	1	1	1	1	1	1
21	Baling Tukul Besi	1	1	1	1	1	1
22	4x100m	1 (6)	1 (6)	1 (6)	1 (6)	1 (6)	1 (6)
23	4x400m	1 (6)	1 (6)	1 (6)	1 (6)	1 (6)	1 (6)
24	4x100m Mix	1 (6)	1 (6)	1 (6)			
25	4x400m Mix	1 (6)	1 (6)	1 (6)			
26	Heptathlon				1	1	1 (3)
27	Decathlon	1	1	1 (3)			
Jumlah Pingat		24	24	24	21	21	21

11.0 HADIAH

- 11.1 Hadiah-hadiah yang disediakan ialah seperti berikut:
 - 11.1.1 Acara Individu sehingga 2000M: Pertama, Kedua dan Ketiga.
 - 11.1.2 Acara Individu 3000M dan jarak lebih daripadanya: Pertama, kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima.
 - 11.1.3 Acara Pasukan: Enam pingat akan diberikan kepada setiap pasukan yang berjaya menduduki tempat Pertama, Kedua dan Ketiga.

12.0 KAEDAH PENENTUAN BAGI RANKING

- 12.1 Cara Memutuskan Ranking Kejohanan
 - 12.1.1 Johan keseluruhan bagi kejohanan ini ialah kontigen olahraga yang memenangi pingat emas terbanyak.
 - 12.1.2 Jika berlaku seri, kiraan pingat perak terbanyak akan diambil kira.
 - 12.1.3 Jika masih seri, kiraan pungutan pingat gangsa terbanyak akan diambil kira.
 - 12.1.4 Jika masih seri, pemenang bersama akan digunapakai.

13.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 13.0 Taklimat Pengurus Pasukan akan ditetapkan oleh pihak penganjur. Semasa perjumpaan ini pengesahan penyertaan hendaklah dibuat. Sebarang perubahan dan pertukaran boleh dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 13.1 Penambahan atlet baru **TIDAK DIBENARKAN** selepas tarikh tutup pengesahan penyertaan.
- 13.2 Pertukaran acara hanya dibenarkan bagi peserta yang berdaftar sahaja.
- 13.3 Semasa taklimat pengurus, penambahan peserta acara balapan dan padang **tidak dibenarkan**. Hanya proses 'Gugur' sahaja yang dibenarkan semasa talimat Pengurus Pasukan.
- 13.4 Sekiranya, terdapat pertukaran peserta disebabkan kecederaan, (mestilah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan). Peserta yang menggantikan perlu mengambil bahagian **semua** acara peserta yang diganti.
- 13.5 Pengguguran dan penambahan acara perlu menggunakan borang yang disediakan oleh pihak penganjur.

14.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 14.0 Sebarang Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pengurus pasukan dan disahkan oleh Ketua Kontingen atau Wakil IPT berkenaan dan hendaklah diserahkan kepada Penyelaras Teknikal *Olahraga SIPMA 2025* dalam tempoh tidak lebih dari satu jam selepas tamat permainan dengan disertakan wang tunai sebanyak **RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja)** sebagai wang cagaran dan yuran proses.
- 14.1 Wang cagaran itu akan hilang dan menjadi pendapatan penganjur sekiranya bantahan itu tidak diterima.
- 14.2 Sekiranya bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan, maka wang cagaran sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) akan dikembalikan dan RM 300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja) sebagai yuran proses.
- 14.3 Jawatankuasa bantahan terdiri daripada 5 orang iaitu Penyelaras Teknikal Kejohanan, Wakil KOM dan 3 orang pengurus pasukan yang berkecuali.
- 14.4 Bantahan hendaklah ditulis di dalam Bahasa Melayu dan pihak yang membantah perlu mengemukakan bukti kepada Jawatankuasa Bantahan yang diwujudkan.
- 14.5 Keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah muktamad. Walaubagaimanapun, jika pasukan ingin membuat rayuan, boleh memajukan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan.
- 14.6 Jawatankuasa Rayuan terdiri daripada KPT, Ketua Penyelaras Kejohanan, Ketua Penyelaras Teknikal Kejohanan, Wakil KOM dan 3 Wakil Majlis yang dilantik serta berkecuali.

15.0 JURI RAYUAN TERTINGGI

Rujuk Perkara 15 Peraturan Am SIPMA.

16.0 RAYUAN / BANTAHAN

Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SIPMA.

17.0 JAWATANKUASA DISIPLIN

Rujuk Perkara 17 Peraturan Am SIPMA.

18.0 HADIAH-HADIAH

Rujuk Perkara 18 Peraturan Am SIPMA.

19.0 KEWANGAN

Rujuk Perkara 19 Peraturan Am SIPMA.

20.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

- 20.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan dirujuk dan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan SIPMA dan keputusannya adalah muktamad.
- 20.2 Penganjur kejohanan tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana peserta dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuk tempat pertandingan dan luar tempat pertandingan.
- 20.3 Setiap pasukan disarankan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin.